

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL
BIL. 1/2003

Tarikh : 28 Januari 2003
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 5
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi

Yang Hadir

Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman (UKM) - *Pengerusi*

Puan Faridah Hj. Md. Amin (KUTKM)

Puan Foyziah Ahmad Nasuruddin (KUKUM)

Puan Haslinda Hj. Kasim (PNM)

Puan Hawa Abdul Majid (UPM)

Encik Jasmin Jaimon (KUIM)

Cik Kalsom Sharif (UIAM)

Puan Maimunah Kadir (HUKM)

Cik Masnah Hj. Abdul Karim (UiTM)

Puan Mazmin Mat Akhir (UUM)

Encik Md. Yazid Muji (UNITEN)

Encik Mohamed Zaid Mohamed Idris (UPSI)

Cik Molly Chuah (UM)

Cik Nordiah Hj. Musa (KUiTTHO)

Puan Rapeeah Ahmad (USM)

Cik Rosmawati Ramli (KUSTEM)

Puan Sharifah Hanom (OUM)

Encik Tusiman Mingun (UKM)

Encik Zulkefli Mohd Yusop (MMU)

Puan Hafsa Mohd (UKM)

- *Wakil Cik Aishah Mohd. Nasir*

- *Wakil Cik Siti Khabshah Masrom*

- *Setiausaha*

Tidak Hadir Dengan Kenyataan

Cik Anna Michael (UMS)

Puan Korina Ibrahim (UNIMAS)

Puan Noraziah Sharuddin (UTM)

Puan Rabiatul Ahya Mohd. Shariff (UTP)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir. Semua ahli telah memperkenalkan diri masing-masing oleh kerana ramai ahli baru hadir pada kali ini.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:
 - 1.2.1 PDK langganan Kementerian Pendidikan
 - 1.2.2 Hal-hal berbangkit

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 6/2002

Minit Mesyuarat disahkan dengan pindaan:

- 2.1 Hal 4.1.2 Institusi yang menyertai... keluarkan **UIAM** dari senarai.
- 2.2 Hal 4.2.2 Institusi-institusi yang ... UPM, USM, UUM... (*tambah USM*)
- 2.3 Hal 6.1 Senarai PDK langganan setiap IPTA/IPTS mengikut... (*tambah IPTS*)
- 2.4 Hal 6.3 Tukar 'KUSTEM telah melanggan' kepada 'KUSTEM telah mendapatkan sebutharga'

3.0 LAPORAN PERDANA

- 3.1 Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat:
 - a. PNM telah melancarkan Konsortium Langganan PDK untuk semua perpustakaan awam dan gunasama di Malaysia. Maklumat terperinci akan dimaklumkan oleh wakil PNM. Konsortium yang dirundingkan oleh ahli JKK PDK adalah khusus kepada IPTA/IPTS di Malaysia.
 - b. Kertas kerja 'Permohonan Peruntukan Langganan Pangkalan Data Komersil bagi Sistem PERDANA' telah dimajukan kepada PNM.

4.0 PDK LANGGANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

- 4.1 Wakil Perpustakaan UM (Cik Molly Chuah) memaklumkan kepada mesyuarat:
 - 4.1.1 Dato' Zaiton telah mendapat maklumbalas dari pihak Kementerian Pendidikan yang bersetuju untuk meneruskan langganan Proquest Education, Ebscohost BSP dan ScienceDirect.
 - 4.1.2 Jumlah sebutharga bagi 3 pangkalan data tersebut adalah melebihi peruntukan yang dipohon iaitu RM2.5 juta.

4.2 Mesyuarat bersetuju supaya:

- 4.2.1 Rundingan harga diadakan untuk mendapatkan kos langganan yang lebih rendah memandangkan jumlah institusi melanggan bertambah. Wakil Perpustakaan UM akan menghubungi pembekal Proquest Education dan Ebscohost BSP. Pihak Sekretariat akan menghubungi wakil ScienceDirect untuk hadir pada mesyuarat yang akan datang bagi memberikan penerangan lanjut mengenai konsortium dan Jurnal Elsevier versi Web kepada semua ahli.
- 4.2.2 Semua institusi boleh meneruskan pembayaran langganan bagi 3 pangkalan data tersebut. Penyelarasan kos bersama pembekal akan dibuat setelah mendapat peruntukan dari Kementerian Pendidikan

5.0 PERKONGSIAN SUMBER MAKLUMAT

Mesyuarat bersetuju:

- 5.1 Menjemput wakil semua perpustakaan penyelidikan di mesyuarat akan datang supaya perkongsian maklumat dapat dijalankan dengan lebih meluas antara perpustakaan IPTA/IPTS dan perpustakaan penyelidikan di Malaysia.
- 5.2 Pustakawan SPP (Sistem Pembekalan Penerbitan) menjadi ahli perpustakaan lain dan seterusnya boleh mengakses pangkalan data yang dilanggan oleh institusi lain.
- 5.3 Semua wakil JKKPDK menghantarkan senarai terkini PDK yang dilanggan berserta kos langganan dan jumlah judul jurnal (bercetak dan elektronik)
- 5.4 Perbincangan lanjut mengenai perkongsian sumber maklumat diadakan di UIAM pada akhir bulan Februari. Wakil Perpustakaan UIAM akan menyediakan kertas kerja asas berdasarkan amalan SPP yang sedia ada
- 5.5 Perkongsian sumber maklumat tidak dinamakan SPP atau ILL tetapi lebih kepada '*enhancement of consortium sevices*'
- 5.6 Pengurus mengemukakan surat cadangan mengenai perkongsian sumber maklumat kepada PNM.

6.0 LANGGANAN PDK SECARA KONSORTIUM

- 6.1 IOP (Institute of Physics) -- Pihak pembekal dalam proses mendapatkan tandatangan surat perjanjian dari semua institusi terlibat.
- 6.2 Emerald – Pembekal telah menghantar surat perjanjian kepada semua institusi terlibat.
- 6.3 PsycARTICLES – Kos langganan melalui NISC lebih murah dari yang lain.

7.0 HAL-HAL LAIN

- 7.1 Senarai PDK yang dilanggan oleh setiap institusi berserta kos langganan dan judul jurnal (bercetak dan elektronik) perlu dihantar kepada pihak sekretariat sebelum akhir bulan Februari
- 7.2 UiTM melanggan melalui Access Dunia :
 - i. ASCE (American Society of Civil Engineering) dengan kos langganan RM25,440.00
 - ii. ASME (American Society of Mechanical Engineering) dengan kos RM16,144.00
- 7.3 Enche Marketing telah memberikan penerangan mengenai e-Books (NetLibrary) dan OCLC First Search

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.